

# SISTEM MENEMPAH SERVIS PERTUKANGAN

MUHAMMAD ANWAR KHAIRI BIN HASAN  
HAIRULIZA MOHD JUDI

*Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Hampir setiap orang mempunyai sambungan ke rangkaian internet pada masa kini. Internet mempunyai pelbagai kelebihan. Antaranya ialah servis penghantaran, hiburan dan media sosial. Servis pertukangan di atas talian tidak lagi dibangunkan oleh mana-mana pihak di Malaysia. Projek ini mencadangkan pembangunan aplikasi untuk menempah servis di atas talian, hal ini selaras dengan jangka waktu sekarang dimana pengguna internet lebih cenderung menggunakan servis di atas talian berbanding berjalan sendiri ke kedai untuk menempah servis. Aplikasi ini akan dibangunkan dengan menggunakan Android Studio. Projek ini juga mampu membuka peluang pekerjaan kepada pemegang sijil-sijil kemahiran untuk menggunakan kemahiran mereka dengan memberi servis kepada orang awam di atas talian.

## 1 PENGENALAN

Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi adalah keperluan dalam hidup manusia pada masa kini, hal ini kerana ia mampu memudahkan dan meningkatkan efisiensi seseorang dalam kehidupan harian mereka. Teknologi pada masa kini telah berkembang pesat dan mampu membantu manusia dalam pelbagai aspek. Walaubagaimanapun pembangunan teknologi bukanlah untuk mengurangkan daya produktiviti masyarakat, ianya hanyalah untuk meningkatkan kekompetenan masyarakat.

Kebergantungan rakyat Malaysia terhadap teknologi tidak dapat dielakkan lagi, hal ini juga dapat dibuktikan dengan Malaysia menduduki kelompok kelima tertinggi di dunia dan tempat teratas di Asia Tenggara dalam penembusan media sosial mudah alih,

demikian menurut Hootsuite and We Are Social (Digital, 2019). Seramai 48 peratus rakyat Malaysia menggunakan aplikasi e-hailing dalam kehidupan sehariannya mereka.


Terdapat juga peningkatan dalam penggunaan aplikasi servis atas talian seperti foodpanda. Hal ini dibuktikan dengan peningkatan sebanyak 100% dalam penggunaan aplikasi foodpanda pada tahun 2017 berbanding 60% pada tahun 2012. Hal ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia lebih gemar menggunakan servis aplikasi.

## **2 PENYATAAN MASALAH**


Permintaan bagi aplikasi servis semakin meningkat pada masa kini. Akan tetapi tiada servis aplikasi yang dapat menyediakan perkhidmatan pertukangan di atas talian. Perkara ini menyebabkan kesulitan terhadap pengguna aplikasi servis atas talian dimana mereka lebih gemar menggunakan aplikasi untuk menempah servis berbanding walk-in. Terdapat hanya satu aplikasi servis pertukangan yang dibangunkan ketika ini, dan aplikasi tersebut dibangunkan di Indonesia atas kerjasama Gojek dan GoLife iaitu GoFix.

## **3 REKA BENTUK SISTEM**

Metodologi yang digunakan adalah model air terjun. Antara sebab metodologi ini akan digunakan adalah kerana, hasil akhir projek sudah pun tertulis secara terperinci dan ia akan memudahkan pengekod dan pemaju aplikasi memahami objektif aplikasi ini dibangunkan. Selain itu, dengan menggunakan metodologi ini skala masa akan terpelihara. Hal ini kerana, model air terjun mewujudkan disiplin dimana kesemua langkah dalam metodologi tersebut mempunyai titik mula dan akhir. Ini mampu mengurangkan gelinciran masa. Selepas itu, pengujian aplikasi akan menjadi mudah oleh kerana setiap senario ujian telah diperincikan di dalam fasa Dokumentasi.



Rajah 3.1 Model Air Terjun




Rajah 3.2 Gambar Rajah Konteks

#### 4 IMPLEMENTASI

Tujuan implementasi dijalankan adalah untuk menggerakkan aplikasi dengan perancangan yang ditetapkan. Manakala pengujian pula dijalankan untuk memastikan aplikasi dijalankan untuk menemui hasil yang telah dijangka. Kedua-dua komponen ini sangat berkait rapat antara satu sama lain, kerana dengan tiada implementasi, pengujian tidak dapat dijalankan kerana aplikasi itu tidak mengikut perancangan yang ditetapkan maka aplikasi itu juga tidak akan menemui hasil yang telah dijangka. Untuk mencapai objektif projek, projek ini menyediakan satu platform untuk pelanggan dan staff kedai servis berkomunikasi. Fungsi utama modul ini adalah untuk membentarkan komunikasi dua hala yang efektif antara pengguna dan staff untuk memudahkan staff kedai servis mendiagnostics masalah yang dihadapi oleh pelanggan dirumahnya, seterusnya mencadangkan servis yang sesuai untuk dibuat.

i. Antara muka indeks


Antara muka indeks adalah muka hadapan sesebuah laman web. Berikut merupakan antaramuka indeks yang dibuat.



Rajah 4.1

ii. Antara muka chat


Berikut merupakan antara muka chat yang telah dibuat.



Rajah 4.2

### iii. Antara muka untuk admin

Sistem ini menggunakan dua aras pengguna, iaitu admin dan pelanggan. Berikut merupakan antara muka bagi admin dan staff kedai.



Rajah 4.3

## 5 KESIMPULAN

Sistem ini dibina untuk memudahkan pengguna untuk menempah servis dan barang DIY untuk disewa, dimana barang seperti gergaji besi adalah mahal di Malaysia. Sistem ini memberi peluang kepada pengguna yang hanya mampu menyewa dapat menggunakan gergaji besi tersebut dengan harga jauh lebih murah. Walaubagaimanapun, sistem ini juga mempunyai kelemahannya yang tersendiri. Kesimpulannya, sistem ini berjaya dibangunkan walaupun mempunyai kekurangan tersendiri. Walaubagaimanapun, kekurangan tersebut tidak menghalang sistem ini dari fungsi sebenar sistem ini. Sistem ini juga mampu membuka peluang pekerjaan kepada ramai orang misalnya kepada *runner* yang sering melakukan tugas boleh mengambil kerja sambilan dengan menghantar barang DIY yang hendak disewa oleh pengguna.

**RUJUKAN**

Environment," *Int. J. Adv. Comput. Sci. Appl.*, vol. 4, no. 12, pp. 124–131, 2013.

B. Schmidt-Belz, H. Laamanen, S. Poslad, and A. Zipf, "Location-based Mobile Tourist Services - First User Experiences," *Inf. Commun. Technol. Tour. 2003*, pp. 115–123, 2003.

B. Rao and L. Minakakis, "Evolution of mobile location-based services," *Commun. ACM*, vol. 46, no. 12, pp. 61–65, 2003.

U. H. Lassen and N. Wood, "'Plumb line scribe': Using multimedia to preserve traditional craft skills," *Cr. Res.*, vol. 4, no. 1, pp. 31–52, 2013.

B. S. Kasamani and D. Gikundi, "A Location-Based Service for Handyman Order Placement," *J. Syst. Integr.*, vol. 8, no. 4, pp. 29–41, 2017.

D. Gikundi, "A Mobile application for locating the available handyman services within a locality," 2017.

Jaradat, A., Mohamad, N. A., Asadullah, A. & Ebrahim, S. 2015. Issues in Location Based Marketing : A Review of Literature. *International Journal of Scientific and Research Publications* 5(1): 1–4.